



NASIB
MELAYU

DI BUMI
MELAYU

MOHD RIDHUAN TEE ABDULLAH



"Saya percaya buku ini akan mencetuskan kontroversi dan perbincangan hangat. Keberanian dan keikhlasan penulis patut dipuji, walaupun risiko yang terpaksa ditanggung adalah amat tinggi. Itulah yang dinamakan perjuangan.


Adalah amat penting, orang Melayu merenung sejenak nasib Melayu di bumi Melayu, agar kita dapat bangun semula mencipta kegemilangan demi menjaga maruah agama, bangsa dan negara. Saya berharap setiap daripada kita dapat membaca buku yang mencabar minda ini untuk memikir sejenak akan nasib anak bangsa kita. Kita harus melihat permasalahan yang berlaku dalam kalangan bangsa Melayu Islam dan masyarakat lainnya di Malaysia, agar ia dapat ditangani dengan penuh keinsafan, kesungguhan dan penuh iltizam.

Buku 'Nasib Melayu di Bumi Melayu' adalah pandangan ikhlas penulis yang mahu melihat Islam dan Melayu dihormati serta diterima dengan sewajarnya oleh semua pihak di bumi mereka sendiri."

**(Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi)
Menteri Pertahanan Malaysia**

NASIB MELAYU DI BUMI MELAYU

MOHD RIDHUAN TEE ABDULLAH



PUSTAKA PERDANA



1008727



OTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEIMPINAN
PERDANA

Diterbitkan oleh:

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

No. 1 & 3, Jalan 3/91A

Taman Shamelin Perkasa, Cheras

56100 Kuala Lumpur

Tel: 03-92856577

Fax: 03-92846554/92875763

laman web: www.mybooks.com.my

© Mohd. Ridhuan Tee Abdullah

Terbitan Pertama 2010

Ulang Cetak 2011

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Mohd. Ridhuan Tee Abdullah

Nasib Melayu di Bumi Melayu / Mohd. Ridhuan Tee Abdullah.

Bibliografi: ms. 176

ISBN 978-967-61-2421-0

1. Malays (Asian people)--Malaysia--Sosial life and customs.
2. Malays (Asian people)--Ethnic identity--Malaysia I. Judul.
305.89923

Dicetak oleh:

YEOHPRINCO SDN. BHD.

Lot PT 50595, Jalan Seruling 59,

Kaw. 3, Taman Klang Jaya,

41200 Klang,

Selangor Darul Ehsan.



Sekapur Sirih

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas kehadiran buku yang berjudul *Nasib Melayu di Bumi Melayu*, yang saya kira amat tepat pada masanya. Tahniah, saya ucapkan kepada penulis, Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah yang begitu bersungguh-sungguh, kritis dan analitikal dalam menghasilkan buku ini. Saya percaya buku ini akan mencetuskan kontroversi dan perbincangan hangat. Keberanian dan keikhlasan penulis patut dipuji, walaupun risiko yang terpaksa ditanggung adalah amat tinggi. Itulah yang dinamakan perjuangan.

Nasib Melayu di Bumi Melayu merupakan cetusan hati nurani seorang insan yang saya kenali sekian lama. Semasa kecil, ketika berada di sekolah menengah, beliau bersekolah di kawasan parlimen saya di SMK Sri Muara, Bagan Datoh, Perak.

Berlatarbelakangkan seorang saudara Muslim berbangsa Cina, saya tidak nampak beliau lebih Melayu daripada Melayu, sebagaimana yang dituduhkan oleh sesetengah pihak. Semua itu dilakukan untuk memburuk-burukkan beliau yang suka berkata benar walaupun amat pahit untuk diterima oleh bangsanya sendiri. Memang tidak dinafikan beliau suka berkawan dan bergaul dengan orang Melayu, tetapi pergaulan ini tidak mengikis jati diri beliau.

Sepanjang mengenalinya, saya tidak nampak beliau menolak atau sengaja memburuk-burukkan bangsanya sendiri. Kefahaman beliau terhadap Islam tidak boleh dipertikaikan. Menolak bangsa sendiri bermakna menolak kejadian Allah SWT. Saya yakin beliau amat memahami hakikat ini. Beliau tidak berniat langsung untuk memburuk-burukkan orang lain.

Nasib Melayu di Bumi Melayu adalah pandangan ikhlas beliau yang mahu melihat Islam dan Melayu dihormati dan diterima dengan sewajarnya oleh semua pihak di bumi mereka sendiri.

Semua sedia maklum bahawa Malaysia merupakan salah sebuah negara yang terletak di kepulauan Melayu. Sebelum pembentukan Malaysia pada 1963, yakni dengan kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak, Malaysia dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu.

Tanah Melayu juga dikenali dalam kalangan negara-negara China, India dan Barat seperti Melayu (I-Tsing), Malaiur (Marco Polo), Malaiyur (inskrripsi Tanjore-Sanskrit di India), Ma-Li-Yu-R (Yuan Shih/Cina), Mailiur (Siam) dan Malayo (Albuquerque/ Portugis).

Fakta dan hujah ini menunjukkan bahawa setiap negara atau tempat yang dijadikan Allah SWT bermula dengan satu bangsa. Nama sesuatu bangsa itu akan membentuk nama negara tersebut. Misalnya, bangsa Cina membentuk negara China, bangsa Arab membentuk negara-negara Arab, bangsa India membentuk negara India, begitulah juga dengan negara-negara lain.

Ini bermakna, bermasyarakat majmuk atau berbilang kaum tidak berlaku dengan sendirinya. Akan tetapi, ia berlaku disebabkan oleh proses interaksi dan penghijrahan. Sejarah sebegini perlu difahami agar wujud sikap saling menghormati antara satu sama lain, terutama hak-hak istimewa bangsa peribumi, apatah lagi jika telah termaktub dalam perlembagaan. Teringat kepada kata-kata sejarawan yang berbunyi: “Seseorang yang tidak mengetahui sejarah, dia akan dihukum oleh sejarah itu sendiri.”

Selaku bangsa majoriti, saya yakin apa sahaja yang terjadi kepada orang Melayu Islam, akan meninggalkan kesan keutuhan agama Islam itu sendiri. Justeru, adalah amat penting, orang Melayu merenung sejenak nasib Melayu di bumi Melayu, agar kita dapat bangun semula mencipta kegemilangan demi menjaga maruah agama, bangsa dan negara.

Saya berharap setiap daripada kita dapat membaca buku yang mencabar minda ini untuk memikir sejenak akan nasib anak bangsa kita. Kita harus melihat permasalahan yang berlaku dalam kalangan bangsa Melayu Islam dan masyarakat lainnya di Malaysia, agar ia dapat ditangani dengan penuh keinsafan, kesungguhan dan penuh iltizam. Sekali lagi, sekalung tahniah kepada penulis. Semoga akan terus berkarya, untuk menghasilkan bahan-bahan bermutu bagi tatapan anak bangsa dan membuka minda ummah tercinta.

Salam perjuangan dan salam hormat daripada saya.

Ahmad Zahid Hamidi, PhD
Menteri Pertahanan Malaysia

Prakata

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Dengan rasa rendah diri, saya merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana memberi kekuatan kepada hamba-Nya ini untuk terus berkarya, sehinggalah buku ini dapat diterbitkan.

Nasib Melayu di Bumi Melayu adalah cetusan hati saya yang berusaha memahami psiki orang Melayu, selain memahami psiki bangsa saya sendiri. Memahami bangsa majoriti dalam negara kita merupakan suatu proses yang penting sebelum kita mengkaji bangsa yang di luar sana, yang tidak ada kena-mengena dengan kita.

Kadangkala saya berasa pelik, kita begitu beria-ia memakai tali leher dan menggayakan pakaian atau cara hidup barat, namun terlalu sukar untuk menerima cara hidup bangsa majoriti yang berada di depan mata kita sendiri. Apabila kita disuruh atau digalakkan memakai baju Melayu atau songkok dalam majlis-majlis tertentu seperti pembukaan parlimen, maka kita menuduh orang lain mahu mengasimilasikan kita.

Pemikiran sebegini hendaklah diubah dalam usaha kita untuk melahirkan sebuah negara bangsa yang sejahtera pada masa akan datang seperti yang dicitrakan dalam gagasan 1 Malaysia. Penulis berpandangan, apabila berlaku pertembungan kepentingan agama dengan bangsa, negara dengan bangsa, nasional dengan bangsa dan lain-lain lagi, maka kepentingan agama dan negara mesti diletakkan di hadapan berbanding kepentingan lain. Kepentingan yang lebih besar dan penting hendaklah diletakkan di hadapan berbanding yang kecil atau kurang utama.

Saya amat mengharapkan tulisan ini dapat memberikan sedikit sebanyak input dan kesedaran kepada bangsa Malaysia akan situasi yang berlaku supaya kita dapat memetik pengajaran. Ingatlah, apa yang berlaku hari ini adalah rentetan daripada peristiwa yang berlaku sebelum ini. Kita tidak boleh memandang enteng terhadap apa yang berlaku pada hari ini kerana kesan hanya akan dilihat pada masa akan datang. Sudah tentu kita tidak mahu mengulangi kesilapan demi kesilapan. Mengulangi kesilapan yang hanya akan

menjatuhkan kita. Ini seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.*”

(Surah *ar-Ra'd* 13: 11)

Bangsa yang berjaya meneruskan kecemerlangan dan kelangsungan bangsanya merupakan bangsa yang sentiasa berpegang teguh kepada asas kepercayaan agama dan mengambil iktibar daripada sejarah.

Saya melontarkan buah fikiran ini kerana saya sayangkan bangsa saya. Saya tidak mahu mereka menjadi terlalu ultra *kiasu*, sebab mereka juga yang akan rugi suatu masa nanti. Mungkin kita tidak nampak kerugian itu masa kini, tetapi saya yakin anak cucu kita akan menderita disebabkan oleh perbuatan kita.

Kita perlu ingat, berdasarkan kepada trend kelahiran masa kini, bilangan orang Islam akan terus bertambah, manakala bukan Melayu bilangannya akan menjadi semakin kecil. Ini bermakna hak orang Melayu akan semakin bertambah, manakala hak orang bukan Melayu akan berkurang. Orang Melayu boleh meminda perlembagaan, jika dirasakan sesuatu yang boleh menggugat kepentingan mereka pada masa datang. Maka ketika itu, siapakah yang rugi?

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terutama kepada akhbar *Mingguan Malaysia*, majalah *Al-Islam* dan Kumpulan Utusan Melayu kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk berkarya. Tidak dilupakan kepada Naib Canselor dan semua warga Universiti Pertahanan Nasional Malaysia atas sokongan selama ini. Sudah semestinya akan terus terpahat dalam ingatan sehingga ke akhir hayat, saya tujukan khas kepada ibuku dan anak-anaknya; isteri tercinta, Norisah Akbar; anak-anak penyeri hidup kami, Qarafi, Syafi, Nazafee, Arifee dan Nur Izza Tee. Pesan saya kepada semua, jadilah seperti lebah yang sentiasa memberikan manfaat kepada orang lain dan janganlah jadi langau yang merosakkan.

Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah

Pensyarah Kanan

Kumpulan Penyelidik Politik dan Peradaban Islam

Pusat Pengajian Umum dan Bahasa

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

.....

Kandungan

<i>Sekapur Sirih</i>	iii
<i>Prakata</i>	v
Bab 1 Nasib Melayu di Bumi Melayu	1
Bab 2 Bila Kacang Lupakan Kulit	6
Bab 3 Bahaya Matlamat Menghalalkan Cara	15
Bab 4 Jangan Kecam Kesucian Islam	27
Bab 5 Ancaman Akhbar Perkauman kepada Perpaduan	32
Bab 6 Merdekakan Pendidikan Perkauman	37
Bab 7 Isu Timbul kerana Kejahilan Agama	43
Bab 8 Memperkasa Agenda Negara Berbanding Agenda Bangsa	48
Bab 9 Orang Melayu Mudah “Cair” Apabila Dipuji	53
Bab 10 Bahaya Musang Berbulu Ayam	58
Bab 11 Utamakan Tuhan Berbanding Nenek Moyang	63
Bab 12 Mengenal Musuh dalam Selimut	68
Bab 13 Untungnya Bersatu dalam Senyap	73

Bab 14	Perpecahan yang Disengajakan	78
Bab 15	Destinasi Rocket Bukan ke Bulan	83
Bab 16	Fantasi Mewujudkan Sekolah Satu Sistem	87
Bab 17	Ingat Fakta Sejarah Tanah Melayu	91
Bab 18	Bahaya Politik Perkauman	97
Bab 19	Perkhidmatan Awam: Bukan Melayu Dipinggirkan?	106
Bab 20	Ketuanan Melayu: Melayu Tuan Cina Hamba?	112
Bab 21	Politik Bukan untuk Kaya	124
Bab 22	Makan Rasuah dengan Makan Babi: Mana Lebih Berdosa?	133
Bab 23	Bahaya Sekolah Perkauman	138
Bab 24	Kerajaan Perpaduan: Buruk Sangatkah UMNO	157
Bab 25	Formula Membina Rumah Ibadat	158
Bab 26	Timbang Politik Berasaskan Keadilan	164
Bab 27	Perlukah Kita Mencontohi Obama atau AS?	171
<i>Bibliografi</i>		176
<i>Biodata</i>		190